

25 syarikat disyaki terbabit kes akaun bank palsu

Alor Setar: Sebanyak 25 syarikat disyaki terbabit kes mengemukakan penyata akaun bank yang mengandungi butiran palsu kepada sebuah syarikat pembersihan, di sini, antara 2018 dan 2019.

Menurut sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semua syarikat berkenaan dipercuryai melakukan perbuatan berkenaan bagi melayakkan mereka mendapatkan kontrak bernilai lebih RM60 juta daripada syarikat pembersihan terbabit.

Setakat ini, katanya, SPM sudah menahan 25 individu disyaki

terbabit di Bangi, Selangor, serta Pejabat SPRM Kedah, di sini, kelmarin dan Isnin lalu.

"Pihak SPRM masih mencari lagi pihak disyaki terbabit, dengan ada antara mereka yang dikenal pasti sudah menukar alamat," katanya, di sini, semalam.

Semalam, dua lagi individu yang ditahan berhubung kes itu direman enam hari selepas Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Alor Setar, Eliana Ismail, membenarkan permohonan SPRM ke atas kedua-dua mereka yang berusia 37 dan 51 tahun.

Sumber itu berkata, hingga ki-



Keratan akhbar BH, semalam.

ni jumlah direman ialah 17 individu, termasuk 15 yang direman antara tiga dan lima hari sejak kelmarin, manakala lapan lagi yang ditahan dibebaskan dengan jaminan SPRM.

Semua mereka itu terdiri daripada pemilik, pengarah dan pengurus syarikat, selain kontraktor serta bekerja sendiri, berusia antara 31 hingga 77 tahun.

Pengarah SPRM Kedah, Datuk Shaharom Nizam Abd Manap, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

BERNAMA